

## Kementerian akan beri kerjasama kepada polis

**BH** 3 JUN 2000  
KUALA LUMPUR, Ahad – Kementerian Sumber Manusia akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada polis dalam siasatan terhadap dakwaan kononnya kementerian sengaja melengahkan isu pemberian gaji bulanan kepada pekerja ladang.

Menterinya Datuk Dr Fong Chan Onn berkata kerajaan pada dasarnya telahpun bersetuju dengan konsep gaji bulanan pekerja ladang sepertimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

“Masalahnya sekarang ialah bagaimana kita nak tentukan satu struktur skim gaji bulanan yang terbaik untuk pekerja, sekali gus dapat meyakinkan majikan bahawa skim itu tidak akan menjejaskan daya saing sektor perladangan,” katanya kepada wartawan selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan di sini.

Beliau mengulas dakwaan terdapat pihak yang telah membuat laporan polis terhadap kementerian berhubung perkara itu hari ini.